

23/10/2004

Anugerah Langkawi untuk Dr Mahathir

ALOR STAR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, akan diberikan Anugerah Perdana Langkawi bagi mengenang jasa beliau membangunkan sektor pelancongan di pulau itu.

Presiden Persatuan Pelancongan Langkawi, Teoh Cheng Kung, berkata anugerah itu adalah tanda terima kasih dan penghargaan ahli persatuan yang terdiri daripada ejen dan pengusaha pelancongan, kepada Dr Mahathir.

"Persatuan berterima kasih kepada Tun (Dr Mahathir) yang mengusahakan supaya Langkawi menjadi pulau bebas cukai dan membangunkannya terutama dalam bidang pelancongan," katanya.

Beliau berkata, penganugerahan itu akan dilakukan pada 11 Disember ini sempena majlis makan malam tahunan persatuan berkenaan di Hotel Andaman, Langkawi.

Selain ejen pelancongan, persatuan yang ditubuhkan sejak 12 tahun itu turut dianggotai pemilik hotel di Langkawi dan ahli perniagaan dalam bidang berkaitan pelancongan.

(END)